

TREND PEMBINAAN BLOG DALAM PEMBELAJARAN BAHASA SEPANYOL

Salina Husain
Fakulti Bahasa Moden dan
Komunikasi, Universiti Putra Malaysia
linahusain@upm.edu.my

Muhd Zulkifli Ismail
Fakulti Bahasa Moden dan
Komunikasi, Universiti Putra Malaysia
zulismail@upm.edu.my

Norazmi Danuri
Pusat Pengajian Bahasa, Universiti
Tun Hussein Onn
Norazmi3003@gmail.com

Abstrak

Penggunaan teknologi dalam pembelajaran bahasa asing pada masa sekarang menjadi satu keperluan yang sangat penting. Hal ini kerana teknologi akan sentiasa berubah seiring dengan peredaran masa. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan membincangkan penggunaan blog sebagai satu kaedah baharu dalam mencapai proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing. Penulis akan melihat trend pelajar mengaplikasikan bahan-bahan berkaitan, berdasarkan tahap kognitif pelajar dalam membina blog bahasa Sepanyol berdasarkan pendekatan Teori Kognitif oleh Piaget (1952). Sebanyak enam blog akan dikaji dalam kajian ini dengan menumpukan kepada kepelbagaian gaya pelajar membina dan mengolah blog berdasarkan pengetahuan yang dipelajari dalam bilik kuliah. Secara rumusan dapatan kajian ini memperlihatkan penggunaan tiga jenis trend dalam penulisan blog iaitu trend fokus, pemikiran dan bahasa yang digunakan. Oleh yang demikian kajian ini akan dapat memberi satu dimensi baharu dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran bahasa Sepanyol, dan memberi idea kepada kajian pada masa hadapan untuk mempelbagaikan lagi kajian berkaitan blog dalam bahasa Sepanyol.

Kata Kunci: Teknologi, Pembelajaran Bahasa, Blog, Kemahiran Menulis

1.0 PENGENALAN

Perkembangan teknologi dan multimedia pada masa kini memainkan peranan penting dalam mengukuhkan proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) bahasa terutama bahasa asing di Malaysia. Ledakan teknologi yang sentiasa terkini seperti penggunaan *facebook*, *whatsapp*, *twitter*, *instagram*, blog dan sebagainya menjadi pilihan kerana aspek audio visual yang terdapat dalam setiap kandungan yang di muat turun menjadi satu tarikan kepada pelajar untuk mendapatkan maklumat. Menurut Mohd Zulhairi (2005) era perkembangan teknologi dan multimedia pada masa kini memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi setiap bidang termasuk bidang pendidikan. Jelas bahawa pembelajaran bahasa pada masa kini tidak lagi hanya tertumpu di dalam bilik kuliah sahaja dengan pelajar hanya memfokuskan kepada komunikasi dua hala di antara pensyarah dengan pelajar. Penggunaan teknologi dalam P&P bahasa sangat membantu pelajar memantapkan lagi pengetahuan mereka dalam kemahiran berbahasa asing kerana pelajar dapat mengakses maklumat melalui internet. Hal ini memberi satu keseronokan kepada pelajar kerana situasi ini dapat menggalakkan percambahan pemikiran.

Oleh yang demikian sejajar dengan arus perkembangan teknologi multimedia pada zaman sekarang, para pensyarah juga harus menjadi kreatif

dalam mengaplikasikan teknologi tersebut dalam P&P. Banyak kajian tempatan berkaitan dengan penggunaan teknologi dalam P&P dibincangkan terutama sekali berkaitan dengan proses pengajaran bahasa. Contohnya melalui kajian Mohd Firdaus, Muhammad Sabri dan Mohd Shahrizal (2013) satu laman web dikenali sebagai Laman EZ-Arabic telah dibangunkan bertujuan mencari potensi yang wujud pada platform pembelajaran secara maya. Jelas bahawa pemilihan reka bentuk sangat dititikberatkan dalam mereka cipta sesuatu laman web.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Terdapat pelbagai usaha yang dilakukan oleh pensyarah untuk meningkatkan kualiti P&P bahasa Sepanyol di Malaysia, namun begitu masih terdapat beberapa permasalahan yang timbul yang menjadi kekangan kepada proses P&P bahasa Sepanyol. Kekangan tersebut menjurus kepada faktor persekitaran yang menghalang pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Sepanyol disebabkan tidak ramai penutur bahasa Sepanyol di Malaysia, serta bahan cetakan seperti buku rujukan yang sangat mahal untuk dibeli. Oleh yang demikian, kehadiran beberapa laman web yang boleh diakses secara percuma menjadi platform kepada pelajar untuk menggunakannya sebagai latihan memantapkan lagi kemahiran mendengar, menulis dan bertutur. Hasil daripada permasalahan tersebut, telah mendorong pengkaji untuk

melatih pelajar membina laman blog sendiri dalam bahasa Sepanyol bertujuan untuk melatih mereka menulis dalam bahasa Sepanyol. Di samping itu juga melalui penulisan blog ini penulis akan dapat melihat tahap kognitif pelajar berfikir dalam bahasa Sepanyol.

3.0 SOROTAN KAJIAN

Menyentuh tentang penggunaan blog dalam pembelajaran bahasa pula, penulis dapat menjelaskan bahawa blog boleh dijadikan sebagai satu platform untuk pelajar melatih kemahiran menulis mereka. Hal ini kerana blog boleh digunakan sebagai jurnal bagi tujuan mempraktikkan penulisan tentang sesuatu topik atau berkaitan ekspresi peribadi (Ducate&Lomicka, 2005).

Selain itu kajian oleh Arbie Sujud dan Normaliza Abd Rahim (2013) pula menerangkan tentang proses pembelajaran bahasa Melayu menggunakan blog. Kajian ini melibatkan seramai 60 sampel pelajar Korea yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Hasil kajian memperlihatkan bahawa pelajar berasa seronok mempelajari subjek kesusasteraan Melayu, bahasa Melayu serta teknologi menggunakan medium blog. Penulis menggunakan soalan soal selidik berdasarkan kaedah analisis wacana oleh Brown&Yule (1983).

Kajian oleh Daniel, Terence dan Sebastián (2011) menjelaskan tentang proses pembelajaran dan pengajaran

bahasa Sepanyol menggunakan medium blog dan juga Wiki. Kajian ini memfokuskan kepada pengaruh teknologi dalam mempengaruhi penggunaan perkataan kala lepas bahasa Sepanyol oleh 52 pelajar pasca siswazah yang mempelajari bahasa Sepanyol pada tahap dua. Kajian yang menggunakan garis panduan oleh Rubio, Ber-Weger, Tebb& Rauch (2003) memperlihatkan hasil bahawa kepuasan pelajar yang menggunakan blog dan wiki adalah sama. Hal ini membuktikan bahawa kedua-dua medium ini blog dan wiki boleh digunakan dalam proses pembelajaran dan pengajaran tatabahasa bahasa Sepanyol dalam kalangan penutur asli.

Aydin (2013) pula melihat kegunaan blog sebagai kaedah dalam pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Hasil kajian menunjukkan bahawa blog boleh digunakan dalam pembelajaran bahasa kerana dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran budaya tentang masyarakat sasaran. Blog juga penting dalam membangunkan interaksi dan kemahiran komunikasi pelajar dalam bahasa sasaran ketiga kerana melalui blog kemahiran bertutur, membaca dan menulis dapat ditingkatkan.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan merujuk kepada enam laman blog yang terhasil. Penulis

menggunakan pendekatan analisis deskriptif dalam menganalisis kepelbagaian trend yang digunakan oleh pelajar. Setiap trend yang dibincangkan akan dihubungkan kaitkan dengan pendekatan teori kognitif oleh Piaget (1952). Berdasarkan teori yang digunakan, penulis menyasarkan dua objektif untuk dihubungkan kaitkan dengan analisis yang dilakukan. Penulis akan mengenal pasti trend yang digunakan oleh pelajar dalam laman blog serta mengkaji trend tersebut dan kaitan dengan tahap kognitif pelajar.

Penulis menghubungkan empat tahap dalam teori Piaget (1952) iaitu skemata, akomodasi, asimilasi dan adaptasi dalam menghuraikan enam blog yang terpilih. Data yang diperoleh melalui blog ini dianalisis berpandukan tiga jenis trend iaitu trend fokus, pemikiran dan bahasa yang digunakan. Melalui blog yang terpilih penulis akan membuat analisis dengan cara membahagikan blog mengikut perbincangan tajuk trend. Kriteria pemilihan blog berdasarkan penggunaan gambar yang dimasukkan serta penulisan dalam bahasa Sepanyol yang menunjukkan tahap pemikiran pelajar yang memenuhi empat tahap dalam teori Piaget (1952).

4.1 Ringkasan Teori Kognitif

Jean Piaget (1896-1980) merupakan pengasas teori kognitif yang melihat proses tumbesaran manusia berkait rapat dengan perkembangan kognitif iaitu pemikiran. Beliau telah membuat pengelasan beberapa tahap

perkembangan kognitif bermula dengan tahap perkembangan sensori motor (lahir-2 tahun), mempelajari bahasa melalui perkataan dan gambar (2-7 tahun), pemikiran konkrit (7-11 tahun) dan pemikiran logik dan abstrak (11 tahun ke atas). Teori ini juga sangat menekankan beberapa proses yang terlibat dalam perkembangan kognitif seperti proses asimilasi, akomodasi, klasifikasi, konservasi, operasi, skema, tahap dan sebagainya. Namun dalam kajian ini penulis hanya membincangkan 4 proses terlibat iaitu skemata (potensi diri), akomodasi (penyesuaian maklumat sebagai proses pembelajaran), asimilasi (mengubah suai maklumat) dan adaptasi (gabungan pengetahuan dan pengalaman).

Kajian oleh Enose (2010) yang menggunakan teori Piaget (1952) melihat kepada proses dua hala kanak-kanak mempraktikkan akomodasi dan asimilasi. Akomodasi menjelaskan pengetahuan kanak-kanak diubahsuai untuk menggabungkan pengetahuan baharu yang berkaitan dengan kognitif. Asimilasi pula melihat kanak-kanak menggabungkan pengalaman baharu dalam struktur yang sedia ada. Proses timbal balik dan interkasi antara akomodasi dan asimilasi menjana pertumbuhan kognitif kanak-kanak.

5.0 PERBINCANGAN BERKAITAN APLIKASI TREND DALAM BLOG

Menurut Kamus Dewan (2007), trend dilihat sebagai satu arah aliran atau

perkembangan rentetan kejadian. Melihat kepada definisi tersebut, penulis telah membuat tinjauan ke atas blog yang dihasilkan bertujuan untuk melihat trend yang digunakan. Scott (2006) mentakrifkan blog adalah sejenis jurnal elektronik yang mengandungi teks dan grafik beserta dengan bahan yang dipetik dari laman web lain yang berkaitan dengan isu yang dipaparkan. Oleh yang demikian dalam kajian ini, penulis mengenal pasti trend yang digunakan dan hubung kaitnya dengan tahap kognitif pelajar.

5.1.1 Trend Fokus

Fokus membawa maksud memberi perhatian dalam sesuatu yang dilakukan, dan penulis melihat tumpuan responden dalam kajian ini lebih terarah kepada fokus individu, kawan-kawan dan keluarga. Hasil daripada blog yang dihasilkan, penulis dapat melihat tahap kognitif pelajar sama ada bersifat sendiri ataupun terbuka melalui penggunaan gambar-gambar secara individu, berpasangan mahupun keluarga. Dapat dijelaskan bahawa skema atau potensi am yang ada dalam diri responden mempengaruhi fokus mereka kerana menurut Piaget (1952), struktur kognitif mengalami perubahan bertujuan untuk mengadaptasikan maklumat baharu. Apabila responden menyentuh tentang latar belakang diri, responen cenderung untuk meletak gambar secara individu kerana ingin menyesuaikan maklumat yang disampaikan seperti yang

ditunjukkan dalam blog berikut. Bagi yang lebih bersifat terbuka, paparan gambar yang digunakan adalah secara berpasangan dengan kawan-kawan atau orang lain sebagai tanda perkongsian



<http://ummimusician93.blogspot.my/>



<http://kimlyla.blogspot.my/>

Terdapat juga responden yang memasukkan elemen budaya Sepanyol dalam blog yang dihasilkan. Hal ini bertepatan dengan pandangan Piaget (1952) yang menerangkan bahawa pembelajaran sebagai satu konstruktif kerana individu dikehendaki menyusun semula pemahaman dan minda mereka. Responden terlibat cuba berkongsi maklumat yang diperolehi sebagai memenuhi bentuk asimilasi yang disasarkan. Oleh kerana responden ini

maklumat baharu sejajar dengan penekanan oleh Piaget (1952) yang melihat tahap kognitif sebagai satu proses pembelajaran seseorang.



<http://aminahrazakisme.blogspot.my/>



<http://ciksyahira.blogspot.my/>

mempelajari bahasa Sepanyol, elemen budaya Sepanyol dapat dilihat dalam blog yang dihasilkan. Contoh dapat dilihat dalam blog tersebut pelajar menggunakan gambar topi yang sinonim dengan budaya Mexico. Jelas bahawa responden dapat mengubah struktur kognitif mereka untuk mengadaptasikan maklumat baru yang diperolehi untuk menunjukkan perkaitan maklumat tersebut dengan bahasa Sepanyol.



<http://spanisheddieupm.blogspot.my/>

5.1.2 Trend Pemikiran

Menyentuh tentang pemikiran, penulis dapat melihat penekanan Piaget (1952) dalam teorinya yang menjelaskan tahap kognitif pelajar mengalami perubahan kerana pada tahap ini berlakunya proses

penyesuaian maklumat baharu berdasarkan input yang diterima. Proses ini dilihat sebagai satu proses pembelajaran kerana pelajar perlu mengubah suai maklumat yang diterima mengikut keupayaan berfikir seseorang. Penulis dapat melihat corak pemikiran responden

melalui blog yang terhasil menjurus kepada pengetahuan yang diperoleh dalam bilik kuliah ataupun lebih bersifat terbuka dengan penambahan input dari sumber luar. Keadaan ini memperlihatkan keupayaan responden mengubah suai



<http://spanisheddieupm.blogspot.my/>

Kreativiti dapat dilihat dalam blog <http://spanisheddieupm.blogspot.my/> dengan responden menambah elemen video pada tajuk Keluarga (*La familia*) yang dihasilkan. Elemen video ini dapat membantu pelajar memahami bahasa Sepanyol dengan lebih berkesan lagi. Di samping itu dengan adanya elemen video yang dimasukkan, blog yang terhasil akan menjadi lebih menarik. Keadaan ini menunjukkan responden dapat berfikir lebih jauh sedikit berdasarkan proses akomodasi yang



<http://ciksyahiraa.blogspot.my/>

Berbeza dengan blog yang dihasilkan dengan cara yang biasa sahaja, penulis dapat melihat tahap pemikiran responden tersebut masih lagi bergantung kepada maklumat yang dipelajari dalam

skemata iaitu, potensi diri dengan maklumat baharu. Hal ini menunjukkan keupayaan berfikir seseorang itu berbeza dengan orang lain kerana potensi am yang ada dalam diri manusia berbeza antara satu sama lain.

terhasil melalui cara penyesuaian maklumat baharu dengan pengetahuan sedia ada.

Selain itu terdapat juga responden yang menggunakan paparan gambar keluarga bagi menghubungkan kaitkan dengan tajuk yang terhasil. Secara umumnya responden yang terlibat dalam menghasilkan blog ini terdiri daripada pelajar tahap asas. Oleh yang demikian tajuk-tajuk yang dihasilkan banyak berkisar tentang diri sendiri, keluarga dan sebagainya.



<http://ummimusician93.blogspot.my/p/blog-page.html>

bilik kuliah. Hal ini kerana mereka tidak dapat berfikir secara kreatif disebabkan potensi am yang ada dalam diri mereka tidak disesuaikan dengan objek yang baru diperoleh.



<http://labonitamujer.blogspot.my/>

Selain itu, terdapat juga responden yang memasukkan elemen video lagu dalam bahasa Sepanyol untuk tujuan menonjolkan identiti Sepanyol dalam blog yang dihasilkan. Responden cuba berkongsi maklumat yang diperoleh dengan pengetahuan yang dimiliki

disebabkan berlakunya proses adaptasi dalam pemikiran responden. Proses ini membentuk keseimbangan terhadap pengetahuan, kepercayaan dan pengalaman responden mempelajari bahasa Sepanyol.



<http://aminahrazakisme.blogspot.my/>

Oleh yang demikian penulis dapat menjelaskan bahawa kepelbagaian laman blog yang dihasilkan berjaya menghubungkan kaitkan keseimbangan di antara akomodasi dan asimilasi yang memperlihatkan struktur kognitif setiap responden berubah mengikut potensi diri masing-masing.



<http://kimlyla.blogspot.my/>

Piaget (1952) yang menjelaskan bahawa pembelajaran sebagai satu proses konstruktif kerana pelajar perlu menyusun pemahaman mereka dengan tahap minda. Sekiranya mereka dapat berfikir jauh, beberapa konsep Piaget (1952) seperti asimilasi, akomodasi dan adaptasi dapat dipraktikkan.

5.1.3 Trend Bahasa Digunakan

Tujuan laman blog bahasa Sepanyol dihasilkan adalah bertujuan memberi ruang kepada pelajar untuk mempraktikkan kemahiran mereka menulis sejajar dengan perkembangan teknologi pada masa sekarang. Keyakinan pelajar dapat dilihat melalui hasil penulisan mereka biarpun penulisan tersebut sangat ringkas. Pandangan

Contoh laman blog yang terhasil seperti blog <http://ummimusician93.blogspot.my/> dan <http://aminahrazakisme.blogspot.my/> menerangkan bahawa responden tersebut dapat mempraktikkan pengetahuan yang diperoleh melalui penulisan yang dihasilkan berkaitan dengan keluarga dan diri sendiri. Hal ini menunjukkan tahap keyakinan responden untuk menulis dalam bahasa Sepanyol dapat ditingkatkan.



<http://ummimusician93.blogspot.my/>

Selain itu terdapat juga responden menghasilkan penulisan dengan cara tersendiri sebagai cara untuk memantapkan lagi kemahiran menulis mereka. Hal ini dengan jelas menunjukkan tahap kognitif responden tersebut jauh melangkaui pelajar lain. Sekaligus



<http://aminahrazakisme.blogspot.my/>

menunjukkan tahap keyakinan adalah tinggi. Keadaan ini membuktikan bahawa penerapan konsep oleh Piaget (1952) dapat dipraktikkan dalam pembelajaran bahasa Sepanyol melalui pembinaan laman blog.



<http://spanisheddieupm.blogspot.my/>

Jelas bahawa pelajar dapat menikmati keseronokan menghasilkan blog sendiri meskipun tahap penguasaan bahasa Sepanyol mereka adalah pada tahap asas sahaja. Kemahiran mereka membina dan menulis dalam blog bahasa Sepanyol menjadi satu pengalaman menarik yang boleh dianggap sebagai platform untuk mengukuhkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran.

6.0 RUMUSAN

Hasil daripada perbincangan berkaitan trend, penulis dapat merumuskan bahawa pengetahuan yang diperoleh dalam bilik kuliah dapat dihubungkan melalui potensi sedia ada dengan perubahan kognitif sebagai satu proses berlakunya pembelajaran bahasa. Berpandukan konsep asas yang

diterapkan dalam teori Piaget (1952), penulis dapat merumuskan bahawa:

- i) Skemata atau potensi am diri seseorang adalah berbeza bergantung kepada keupayaan seseorang berfikir. Hal ini dapat diterjemahkan melalui beberapa blog yang terhasil mengikut kreativiti tersendiri seperti pada blog <http://aminahrazakisme.blogspot.my/> dan <http://kimlyla.blogspot.my/>.
- ii) Konsep asimilasi juga dapat diterapkan dalam pemikiran responden kerana mereka dapat mengubahsuaikan maklumat baharu dengan potensi am yang dimiliki seperti dalam blog <http://spanisheddieupm.blogspot.my/>.
- iii) Proses akomodasi melibatkan tahap kognitif pelajar yang mengalami perubahan dan perubahan ini dilihat sebagai satu proses pembelajaran. Contoh ini dapat dilihat apabila

respondan menghubungkan pengetahuan yang diperolehi dengan maklumat berkaitan bahasa Sepanyol dalam blog yang dihasilkan <http://spanisheddieupm.blogspot.my/> dan

<http://aminahrazakisme.blogspot.my/>.

iv) Manakala proses adaptasi tercetus apabila berlakunya keseimbangan di antara akomodasi dan asimilasi yang memperlihatkan gabungan pengetahuan dan pengalaman seseorang seperti responden yang terlibat dalam pembinaan blog ini; <http://ummimusician93.blogspot.my/>, <http://ciksyahiraa.blogspot.my/> dan <http://spanisheddieupm.blogspot.my/>

Jelas bahawa kajian yang dilakukan ini dapat meningkatkan tahap pemikiran pelajar untuk menguasai bahasa Sepanyol dengan lebih mendalam lagi. Hal ini selaras dengan kajian oleh Aydin (2014) yang melihat penulisan blog dapat meningkatkan kesedaran budaya, interaksi, kecekapan dan pengetahuan pelajar mempelajari sesuatu bahasa. Merujuk kepada pandangan Blood (2002), beliau menyatakan bahawa blog merupakan penulisan peribadi yang perlu dikemas kini bagi menarik minat pembaca. Pengguna blog ini perlu memberi sesuatu yang baharu kepada pembaca dari masa ke semasa sebagai cara menarik minat pembaca melayari blog mereka.

7.0 KESIMPULAN

Penulis dapat menerangkan bahawa penggunaan teknologi dalam proses pembelajaran masa kini sangat membantu pelajar memantapkan lagi pengetahuan mereka sebagai satu bentuk pengukuhan. Pandangan Piaget (1952) menekankan bahawa setiap kita ini mempunyai potensi dalaman yang sedia ada, harus bergabung dengan tahap kognitif agar satu pengetahuan baharu dapat dibentuk. Melalui kajian ini potensi pelajar yang mempunyai asas penulisan dalam bahasa Sepanyol berjaya digabungkan dengan tahap pemikiran mereka sehingga menghasilkan blog dalam bahasa Sepanyol. Hal ini sejajar dengan pandangan oleh Lee (2011) yang menerangkan bahawa kemahiran metakognitif dan kognitif berkesan merupakan elemen yang diperlukan untuk memaksimumkan penggunaan blog bagi tujuan pembelajaran autonomi dan komunikasi antara budaya.

Kejayaan ini membuktikan bahawa tahap kognitif pelajar boleh ditingkatkan lagi melalui pelbagai platform yang digunakan. Hal ini disebabkan pengetahuan yang diperolehi melalui proses pembelajaran dalam bilik darjah tidak harus terhenti begitu sahaja kerana pelajar perlu membentuk pengetahuan baharu melalui pelbagai tugas seperti penulisan blog sebagai satu proses pembelajaran, kerana Kim (2011) mencadangkan bahawa blog boleh meningkatkan konteks komunikasi pelajar.

Selain itu penulis juga berharap akan ada kajian pada masa hadapan yang menyentuh tentang penulisan blog dalam bahasa Sepanyol dari pelbagai aspek.

RUJUKAN

- [1]_____ (2007). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [2] Asni Tahir & Siti Hasnah Tanalol (2004). Belajar Bahasa Kadazan Dusun: Pendekatan Pembelajaran Hypermedia. *Prosiding Program Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa*. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 8-9 Oktober, 2004.
- [3] Arbie Sujud and Normaliza Abd Rahim (2013). Learning through blogging. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 7(1), 191-198.
- [4] Aydin, S. (2013). The Use of Blogs in Learning English as a Foreign Language. *Mevlana International Journal Education (MIJE)*. Vol 4(1), pp244-259, 1 April 2014.
- [5] Azman Che Mat dan Goh Ying Soon (2010). Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *AJTLHE*, Vol.2, No.2 July 2010, 9-20.
- [6] Blood, R. (2002). *The Weblog Handbook. Practical Advice on Creating and Maintaining Your Blog*. Cambridge MA: Perseus Publishing.
- [7] Brown, G.&G.Yule (1983). *Discourse analysis*. Cambridge: Cambridge University Press. Daniel A. Castaneda, Terence C. Ahern& Sebastián R. Diaz (2011). Teaching&Learning the Spanish Aspect Using Blogs and Wikis: An Exploratory Study. *International Association fro*
- Language Learning Technology*, vol.41, 64-88.
- [8] Ducate, L.C&Lomicka, L.L (2005). Exploring the blogosphere: Use of web logs in the foreign language classroom. *Foreign Language Annals*, 38(3), 410-421.
- [9] Enose M. W. Simatwa (2010). Piaget's Theory of Intellectual Development and Its Implication for Instructional Management at Pre Secondary School Level. *Educational Research and Reviews*, vol. 5(7), pp. 366-371, July 2010.
- [10] Kim, H. N. (2011). Model of blogging structure for intercultural communication environments in higher education. *Interactive Learning Environments*, 20(6), 533-546.
- [11] Lee, L. (2011). Blogging: Promoting learner autonomy and intercultural competence through study abroad. *Language & Technology*, 15(3), 87-109.
- [12] Lily Hanefarezan Asbulah dan Janudin Sardi (2014). Tinjauan Pembangunan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. *Prosiding Seminar Pengajaran&Pembelajaran Bahasa Arab 2014*. Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak, Terengganu, 14 September 2014.
- [13] Mohd Firdaus Yahaya, Muhammad Sabri & Mohd Shahrizal Nasir (2013). Pembangunan Laman Web EZ-Arabic sebagai Alternatif Pembelajaran Maya Bahasa Arab bagi Pelajar Sekolah Rendah Malaysia. *Jurnal Teknologi (Sains dan Kejuruteraan)*, 1(7), 11-18.
- [14] Mohd Zulkhairi bin Abdul Hamid (2005). *Reka Bentuk Perisian Pembelajaran Balaghah Arab Peringkat Sekolah Menengah*. Universiti Malaya: Fakulti Bahasa dan Linguistik.

[15] Piaget, J. (1952). *The Origin of Intelligence in Children*. New York: International University Press, Inc.

[16] Rubio, D., Ber-Weger, M., Tebb, S., Lee, S. & Rauch, S. (2003). Objectifying content validity: Conducting a content validity study in social work research. *Social Work Research* 27, (2)94-104.

[17] Scott Hail.R (2006). *The Blog Ahead, How Citizen Generated Medias Filting The Communications Balance*. New York: Morgan James.

[18] Teoh Jun Yong (2012). Penggunaan Bahasa Cina dalam Weblog di Malaysia. Tesis Master. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

<http://aminahrazakisme.blogspot.my/>

dicapai pada (26 november 2015)

<http://ummimusician93.blogspot.my/>

dicapai pada (26 november 2015)

<http://kimlyla.blogspot.my/> dicapai pada

(26 november 2015)

<http://spanisheddieupm.blogspot.my/>

dicapai pada (26 november 2015)

<http://labonitamujer.blogspot.my/> dicapai

pada (26 november 2015)

<http://ciksyahiraa.blogspot.my/> dicapai

pada (26 Januari 2016)